

**Kaum Cina lepassi faktor 'ketakutan' selepas PRU13, kata penganalisis  
Malaysian Insider  
July 8 , 2013  
Oleh Md Izwan**

Kesimpulan mengatakan keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13) adalah "Tsunami Cina" adalah tidak tepat, sebaliknya penganalisis menekankan pengundi Cina sudah melepasi faktor "ketakutan" yang selama ini dihadapi mereka dalam setiap pilihan raya sebelum ini.

Penganalisis daripada Centre For Strategic Engagement (CENSE), Rita Sim berkata pengundi Cina kini sudah berani untuk menentukan hala tuju mereka tanpa dan menganggap Pakatan Rakyat (PR) adalah landasan terbaik untuk kaum tersebut.

"Masyarakat Cina sudah melepasi faktor 'ketakutan', mereka tidak lagi takut.

"Faktor tersebut tidak lagi memperdayakan mereka, itu yang sudah mereka tunjukkan pada pilihan raya lalu," kata beliau dalam dalam satu seminar "GE:13 An Analysis and Aftermath" hari ini di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sepanjang tempoh berkempen pilihan raya, MCA sering memainkan isu hukum undang-undang Islam yang dibawa oleh PAS untuk menakut-nakutkan pengundi Cina sekiranya mereka memilih parti Islam tersebut, manakala Umno pula menakut-nakutkan pengundi Cina tentang berlakunya perbalahan dengan kaum Melayu sekiranya mengundi pembangkang dengan memberi contoh rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Rita juga berkata walaupun terdapat terdapat wakil kaum Cina dalam komponen Barisan Nasional (BN) iaitu MCA, parti tersebut dilihat gagal memainkan peranannya dengan baik sehingga menyebabkan mereka beralih kepada PR pada pilihan raya 5 Mei lalu.

"Banyak masyarakat Cina merasakan MCA tunduk kepada Umno.

"Oleh sebab itu mereka beralih kepada PR kerana mampu memberikan lebih banyak kuasa memujuk kepada mereka... ramai kaum Cina dengan pembangkang mereka boleh dapat kuasa memujuk yang sama-rata," kata Rita lagi.

Bagi penganalisis daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr. Denison Jayasooria, sokongan masyarakat Cina yang beralih kepada pembangkang disebabkan kaum tersebut sudah menemui pemimpin daripada masyarakat Islam-Melayu yang dilihat berkemampuan memimpin negara berbanding dengan pemimpin dalam BN.

"Selepas beberapa pilihan raya, kali ini masyarakat Cina menemui pemimpin alternatif daripada masyarakat Melayu-Islam yang boleh memimpin negara.

"Saya rasa perkara ini tidak berlaku sebelum ini, oleh sebab itu masyarakat Cina memilih pembangkang dalam pilihan raya lalu," terang Denison.

"Selain itu, sistem dua parti yang muncul juga faktor pilihan raya kali ini menyaksikan pengundi Cina beralih kepada PR," tambahnya.

Bagaimanapun, Denison menggesa supaya tidak wajar untuk hanya memfokuskan kepada pengundi masyarakat Cina dalam pilihan raya lalu tetapi sebaliknya melihat kepada corak

pemimpin Melayu yang baru terutamanya daripada PR.

"Apa yang perlu kita lihat ialah anjakan paradigma kaum terhadap bukan Melayu yang bergerak ke arah set baru pemimpin Melayu.

"Dan pemimpin Melayu yang boleh menjadi adil dan saksama untuk memimpin negara," kata Denison.

Dalam pembentangan Rita lagi, sokongan merosot kepada BN dalam pilihan raya lalu bukan hanya semata-mata berpunca daripada masyarakat Cina sahaja tetapi Melayu dan India juga faktor menyumbang penurunan sokongan tersebut.

Berbanding dalam pilihan raya pada tahun 2008, BN memperoleh 58 peratus sokongan daripada kaum Melayu tetapi angka tersebut menurun kepada hanya 54 peratus pada 2013, sokongan kaum India juga menurun daripada 47 peratus pada 2008 kepada 44 peratus pada 2013 dan sokongan kaum Cina menurun daripada 35 peratus kepada 13 peratus.

"DAP adalah penghubung politik kepada masyarakat Cina," kata Rita bagi merujuk kepada penurunan sokongan yang ketara kaum Cina terhadap BN.

Selepas berakhir PRU13, Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak menggambarkan keputusan tersebut sebagai "tsunami Cina" -menyaksikan BN menang dengan majoriti lebih kecil berbanding Pilihan Raya 2008.

Akhbar Umno, Utusan Malaysia, juga di muka depan mengeluarkan tajuk "Apa lagi Cina mahu?" Sebagai tindakan menunjukkan keputusan pilihan raya dibentuk oleh kaum Melayu menentang kaum Cina.

Dalam pilihan raya 5 Mei lalu, BN menang tipis dengan 133 kerusi Parlimen berbanding PR yang mendapat 89 kerusi.

Walau bagaimanapun, PR menang undi popular memperolehi sejumlah 50 peratus atau 5,623,984 berbanding BN sekadar 47 peratus, atau 5,237,699 undi popular dalam Pilihan Raya 2013. - 8 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kaum-cina-lepasi-faktor-ketakutan-sele-pas-pru13-kata-penganalisis/>